

dengan kepentingan unsur-unsur keindahan bahasa untuk menyampaikan tema puisi dengan mudah kepada pembaca.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 PENGENALAN**

Bab ini menerangkan reka bentuk penyelidikan dan kaedah pengumpulan data serta kaedah menganalisis data dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan untuk

mengumpul data dijelaskan dan penerangan mengenai prosedur kajian turut diberikan. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan pendekatan analisis wacana bertulis yang bersifat kualitatif.

### **3.1 DATA KAJIAN**

Pada peringkat awal 145 antologi puisi yang diterbitkan selama 30 puluh tahun (Tahun 1971 hingga 2000) dikumpulkan. Pada peringkat kedua, pengkaji menapis hasil koleksi antologi-antologi mengikut keperluan kajian. Penyelidik mengkaji latarbelakang penyair prolific dengan merujuk kepada pengalaman penyair dalam bidang penulisan, keaktifan mereka dalam bidang ini, bilangan puisi dan antologi puisi yang dihasilkan serta jenis anugerah yang diperolehi mereka dalam dunia bidang Kesusasteraan Tamil.

Dengan penetapan kriteria penapisan ini sebanyak 24 antologi telah dipilih. Kajian seterusnya berdasarkan puisi yang terkandung dalam antologi-antologi ini. Pengkaji telah meneliti kesemua puisi yang terkandung dalam antologi ini dan memilih sebanyak 36 puisi dan menyenaraikan mengikut 3 tema utama bagi memenuhi objektif kajian. Puisi-puisi yang dipilih dikategorikan kepada 2 jangkamasa :

- i. Jangkamasa 1 : Dari tahun 1971 – 1985
- ii. Jangkamasa 2 : Dari tahun 1986 – 2000

Penetapan tempoh kajian ini dibuat melalui analisis perkembangan tema dalam tempoh masa ini. Didapati penyair mempunyai keselarasan dalam pemilihan tema dalam dua

tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Berikut adalah senarai puisi mengikut tema:

**Jadual 3.1**  
**Pembahagian estetika bahasa mengikut**  
**Tema dan Tahun**

BIL	TEMA	DIKSI		METAFORA		METAFORA	
		71-85	86-2000	71-85	86-2000	71-85	86-2000
1.	Alam Semesta	2	2	2	2	2	2
2.	Kebudayaan (Bahasa/Bangsa/ kesedaran)*	2	2	2	2	2	2
3.	Sosio-ekonomi	2	2	2	2	2	2
<b>JUMLAH</b>		6	6	6	6	6	6

\* Tema kebudayaan merupakan satu bidang yang luas. Oleh yang demikian cuma tiga aspek sahaja dipilih untuk kajian ini.

**Jadual 3.2**  
**Senarai Tajuk Puisi Yang Dipilih**

**Bil** *Tajuk Puisi*

*Terjemahan Tajuk Puisi*

1. **tho;tpy; Rfe;jUNkh?**

Dapatkan ia membawa kebahagiaan?

2. **fha;e;Jk; rpy kzf;Fk;**

Yang layu kekal harum

3. **,jaq;fs; ,y;iyab**

Tiada berhati penyambut

- |                                |                                       |
|--------------------------------|---------------------------------------|
| <b>4. fiyj;jha;</b>            | <b>Ibu kesenian</b>                   |
| <b>5. ehis ekNj!</b>           | <b>Esok kepunyaan kita</b>            |
| <b>6. Vw;wKld; tho;ejpl</b>    | <b>Untuk hidup kearah kemajuan</b>    |
| <b>7. jkpopd; epiy</b>         | <b>Keadaan Bahasa Tamil</b>           |
| <b>8. nfha;Nthk;!</b>          | <b>Memancung</b>                      |
| <b>9. vJ tho;T?</b>            | <b>Apakah erti kehidupan?</b>         |
| <b>10. rKjhaj;jpy; \$l;LwT</b> | <b>Kerjasama dalam masyarakat</b>     |
| <b>11. nghUspay; jkpou;</b>    | <b>Ekonomi Masyarakat Tamil</b>       |
| <b>12. eyk; kyul;Lk;</b>       | <b>Harapan kesejahteraan</b>          |
| <b>13. ftpijf;fh gQ;rk;?</b>   | <b>Tiada kekeringan untuk puisi</b>   |
| <b>14. thd;kPd;</b>            | <b>Bintang di langit</b>              |
| <b>15. ejp</b>                 | <b>Sungai</b>                         |
| <b>16. Gy;</b>                 | <b>Rumput</b>                         |
| <b>17. Mz;fis ek;ghNj</b>      | <b>Jangan terpedaya dengan lelaki</b> |
| <b>18. gs;sp vOr;rp</b>        | <b>Kebangkitan</b>                    |
| <b>19. ekf;Fs; ehk;</b>        | <b>Sesama kita</b>                    |
| <b>20. vJ ehfupfk;?</b>        | <b>Apakah tamadun sebenar?</b>        |

21. jkpou; epiy	Keadaan Masyarakat Tamil
22. ,ay;G	Kelaziman
23. jkpou; xw;Wik	Perpaduan Masyarakat Tamil
24. jtisfspd; fpzWfs;	Perigi katak
25. fly; kq;if	Puteri laut
26. ,aw;ghlk;	Ajaran alam
	Bunga melor
27. ky;ypif kyu;	
28. Nfhk;ghf; MW	Sungai Gombak
29. nkhopAk; ,dKk;	Bahasa dan bangsa
30. Ma;jkpo;;	Bahasa kajian
31. ,tdh jkpod;?	Diakah Orang Tamil?
32. rq;fg;gyif	Zaman Sangkam
33. flik nra;! cupik nfhs;!	Jalankan tanggungjawab! Tegakkan hak!
34. ehs; vej ehNsh?	Bilakah hari tersebut?
35. Ntiy ,y;Nyhd; Gyk;gy;	Tangisan penganggur

**3.2 METOD KAJIAN**

Kesemua puisi yang dipilih merupakan hasil penulisan penyair Tamil Malaysia. Tema-tema yang digarapkan oleh penulis lebih bersifat gambaran diskriptif mengenai alam semesta, kebudayaan ( bahasa/ bangsa/ kesedaran) dan sosio-ekonomi.

Puisi-puisi yang dipilih untuk kajian ini merangkumi 24 antologi puisi yang dihasilkan penyair dari tahun 1971 – 2000. Pembahagian tahun kepada dua peringkat iaitu Peringkat 1 : Dari tahun 1971 – 1985 dan Peringkat 2 : Dari tahun 1986 – 2000 adalah disebabkan oleh perkembangan tema yang ketara.

Data-data yang dikumpul mengikut keindahan bahasa iaitu diksi, metafora dan simile diklasifikasikan mengikut tema dan jangka masa yang telah ditetapkan. Bagi setiap jangka masa penyelidik memilih dua puisi bagi setiap tema dari setiap peringkat tahun. Dengan demikian, ke semuanya 36 puisi dipilih bagi kedua-dua jangka masa. Jadual di bawah menunjukkan perincian ini.

**Jadual 3.3**  
**Senarai puisi yang melambangkan diksi**  
**mengikut tema dan kategori masa**

<b>BIL</b>	<b>TEMA</b>	<b>DIKSI</b>
		1971- 1985
		1986 - 2000

1.	Alam Semesta	<b>tho;tpy; Rfe;jUNkh?</b> Dapatkah ia membawa Kebahagiaan?	<b>,jaq;fs; ,y;iyab</b> Tiada berhati penyambut
		<b>fha;e;Jk; rpy kzf;Fk;</b> Yang layu kekal harum	<b>fiyj;jha;</b> Ibu kesenian
2.	Kebudayaan ( Bahasa/ Bangsa/ kesedaran)*	<b>ehis ekNj!</b> Esok kepunyaan kita!	<b>jkpopd; epiy</b> Keadaan Bahasa Tamil
		<b>Vw;wKld; tho;e;jpl</b> Untuk hidup kearah kemajuan	<b>nfha;Nthk;!</b> (Memancung)
3.	Sosio-ekonomi	<b>vJ tho;T?</b> Apakah erti kehidupan?	<b>nghUspay;</b> <b>jkpou;</b> Ekonomi Masyarakat Tamil
		<b>rKjhaj;jpy; \$l;LwT</b> Kerjasama dalam masyarakat	<b>eyk; kyul;Lk;</b> Harapan kesejahteraan
<b>JUMLAH</b>		6	6

**Jadual 3.4**  
**Senarai puisi yang melambangkan metafora**  
**mengikut tema dan kategori masa**

BIL	TEMA	DIKSI
-----	------	-------

	1971- 1985	1986 - 2000
1. Alam Semesta	<b>ftpijf;fh gQ;rk;?</b> Tiada kekeringan untuk berpuisi	<b>ejp</b> Sungai
	<b>thd;kPd;</b> Bintang di langit	<b>Gy;</b> Rumput
2. Kebudayaan ( Bahasa/ Bangsa/ kesedaran)*	<b>Mz;fis ek;ghNj</b> Jangan percaya terhadap lelaki	<b>ekf;Fs; ehk;</b> Sesama kita
	<b>gs;sp vOr;rp</b> Kebangkitan	<b>vJ ehfupfk;?</b> Tamadun sebenar
3. Sosio-ekonomi	<b>jkpou; epiy</b> Keadaan Masyarakat Tamil	<b>jkpou;</b> <b>xw;Wik</b> Perpaduan Masyarakat Tamil
	<b>,ay;G</b> Kelaziman	<b>jtisfspd;</b> <b>fpzWfs;</b> Perigi katak
	<b>JUMLAH</b>	
	6	6



**Jadual 3.5**  
**Senarai puisi yang melambangkan simile**  
**mengikut tema dan kategori masa**

BIL	TEMA	DIKSI	
		1971- 1985	1986 - 2000
1.	Alam Semesta	<b>fly; kq;if</b> (Puteri laut)	<b>ky;ypif ky;</b> (Bunga melor)
		<b>,aw;ghlk;</b> (Ajaran alam)	<b>Nfhk;ghf; MW</b> (Sungai Gombak)
2.	Kebudayaan ( Bahasa/ Bangsa/ kesedaran)*	<b>nkhopAk; ,dKk;</b> (Bahasa dan bangsa)	<b>,tdh jkpod;?</b> Diakah Orang Tamil?
		<b>Ma;jkpo;;</b> Bahasa kajian	<b>rq;fg;gyif</b> Zaman Sangkam
3.	Sosio-ekonomi	<b>flik nra;! cupik</b> <b>nfhs;!</b> Jalankan tanggungjawab! Tegakkan hak!	<b>Ntiy ,y;Nyhd;</b> <b>Gyk;gy;</b> Tangisan penganggur
		<b>ehs; ve;j ehNsh?</b> Bilakah hari tersebut?	<b>\$l;Lwtpd;</b> <b>rhjid</b> Kejayaan melalui koperasi
<b>JUMLAH</b>		6	6

Justeru, penyelidik dapat menganalisis puisi dengan mengkaji penggunaan keindahan bahasa mengikut tema dalam Puisi Tamil Malaysia dari tahun 1971 hingga 2000. Puisi-puisi akan dikaji dari segi unsur-unsur keindahan bahasa yang digunakan penyair-penyair dalam membicarakan tema dalam puisi Tamil. Penggunaan unsur diksi, unsur metafora dan unsur simile mengikut tema akan dikaji secara terperinci. Bagaimana unsur-unsur ini digunakan mengikut tema turut dikaji secara mendalam.

Penyelidik akan menggunakan bait dan baris dalam puisi untuk kajian ini. Kajian akan merangkumi cara membuat analisis wacana dari sudut kandungan tema berkaitan dengan topik kajian. Pengumpulan data yang berbentuk bait dan baris adalah berdasarkan kepada kesesuaiannya kepada topik kajian iaitu keindahan bahasa. Ianya adalah seperti berikut:

4. Penggunaan unsur diksi mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.
5. Penggunaan unsur metafora mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.
6. Penggunaan unsur simile mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.

### **3.3 KRITERIA PEMILIHAN BAHAN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair-penyair tempatan dalam tempoh masa 30 puluh tahun (1971-2000). Hasil-hasil puisi ini dipilih daripada antologi-antologi yang dihasilkan penyair berdasarkan latar belakang tempatan. Bagi memudahkan analisis kajian penyelidik membahagikan jangka masa 1971-2000 kepada dua tempoh iaitu setiap peringkat merangkumi sela kelas 15 tahun. Iaitu Peringkat 1 dari tahun 1971 – 1985 dan Peringkat 2 dari tahun 1986 – 2000. Pembahagian sedemikian, membantu penyelidik membahagikan tema mengikut peredaran masa.

Puisi penyair-penyair prolifik tempatan dipilih bagi kajian ini. Sebanyak 36 puisi dipilih daripada antologi yang dihasilkan penyair. Jumlah puisi pilihan daripada setiap penyair tidak dihadkan. Pemilihan puisi adalah berteraskan tiga tema iaitu alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi. Penyelidik menghadkan bilangan puisi kepada dua, bagi setiap peringkat dan tema. Penyelidik merasai bahawa bilangan ini memadai untuk kajian yang merangkumi 3 kategori dan 3 unsur keindahan bahasa dalam puisi. Dengan demikian sebanyak 36 puisi dipilih dari tahun 1971-2000 .

Walaupun penyair-penyair tempatan ada menghasilkan pelbagai puisi dengan pelbagai tema tetapi penyelidik memilih puisi-puisi yang bertemakan alam semesta,

kebudayaan dan sosio-ekonomi. Pemilihan ini adalah hasil tinjauan penyelidik akan ciptaan para penyair. Didapati majoriti penyair mencipta puisi bertemakan alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi. Tidak dinafikan juga terdapat tema-tema seperti percintaan, nasionalisme, imansipasi wanita dan budi. Walau bagaimanapun unsur keindahan bahasa yang dikaji iaitu diksi, metafora dan simile tidak kelihatan seluas berbanding tema pilihan penyelidik. Ekoran daripada itu, penyelidik memilih puisi (jadual 3.2) yang kaya dengan unsur diksi, metafora dan simile yang menjadi asas kajian penyelidik. Justeru, penyelidikan ini dilakukan dalam batasan skop yang ditetapkan demi menepati objektif kajian ini.

Memandangkan setiap tempoh masa merangkumi 15 tahun, penyelidik beriktibar untuk mencari puisi yang ditulis bagi setiap 15 tahun itu mempunyai sela kelas yang sama iaitu tahun 1971-1985 dan tahun 1986-2000. Dengan demikian, perubahan pada perkembangan tema dapat diamati dan ini membolehkan keindahan bahasa seperti diksi, metafora dan simile dapat dikaji secara mendalam.

Kesimpulannya, kriteria yang digariskan di atas akan dijadikan landasan untuk menentukan mutu kajian terjamin. Kriteria ini juga seterusnya memudahkan proses kajian dijalankan dengan mudah. Penyelidik dapat menganalisis perolehan data secara mendalam dan teliti berpandukan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

### **3.4 PROSEDUR ANALISIS**

Penyelidik menggunakan pendekatan analisis kualitatif dalam menganalisis kajian. Data kajian yang terdiri daripada puisi-puisi yang dipilih melalui penganalisaan dalam antologi-antologi puisi yang dihasilkan (Rujuk jadual 3.1) dari tahun 1971-2000.

Puisi-puisi ini dipilih oleh penyelidik berdasarkan tema iaitu alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi. Puisi- puisi yang telah disenaraikan mengikut kategori dan tempoh masa (Rujuk jadual 3.3, 3.4 dan 3.5). Penyelidik seterusnya akan membuat bacaan saring sebanyak lima kali untuk mendapatkan atau mencari puisi yang menggambarkan keindahan bahasa yang mengandungi diksi, metafora, dan simile. Penyelidik mengekalkan bait dan baris puisi yang dipetik dari puisi asal bagi memelihara kesahihan dan keutuhan bahan kajian.

Penyelidik juga menjelaskan kandungan tema pada permulaan kajian setiap puisi sebelum menganalisis unsur keindahannya. Penghuraian transliterasi (TR) serta terjemahan bait kandungan unsur keindahan juga diberikan dalam Bahasa Melayu. Kaedah ini bertujuan untuk memudahkan pembaca dari kalangan bukan aliran Bahasa Tamil memahami isi kandungan unsur-unsur tersebut. Maksud tersirat dalam setiap unsur keindahan bahasa turut dimuatkan dalam kajian ini untuk memberi gambaran jelas penggunaan unsur-unsur estetika dalam puisi pilihan.

Pada peringkat akhir kajian setiap puisi, penyelidik akan membuat ilustrasi mengenai penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa bagi menunjukkan keberkesanan unsur-unsur tersebut dalam memperkayakan keindahan sesebuah puisi yang dipilih.

Dalam setiap tajuk puisi (senarai 3.1), penyelidik turut membincangkan keindahan bahasa mengikut tema. Penyelidik juga turut mengaitkan pandangan dan perbincangan kajian berkenaan yang diketengahkan dalam Bab 2.

### **3.5 KESIMPULAN**

Metod kajian yang terancang dan terperinci dijadikan dasar dalam pemilihan puisi dan data-data yang sesuai untuk kajian ini. Tajuk-tajuk puisi telah dikategorikan kepada dua tempoh masa (1971-1985 dan 1986-2000) mengikut tema yang diatur tepat dalam kajian terancang ini.

## **BAB 4**

### **PENGANALISAN DATA**

#### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan penganalisan dan dapatan kajian tentang keindahan bahasa yang berunsurkan diksi, metafora dan simile dalam penghasilan puisi Tamil Malaysia. Skop kajian tertakluk kepada :

- i) Penggunaan unsur diksi mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.
- ii) Penggunaan unsur metafora mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.
- iii) Penggunaan unsur simile mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.

#### **PENGGUNAAN UNSUR DIKSI DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000**

##### **Pengenalan**

Diksi ialah pemilihan dan penyusunan kata dalam puisi. Ia juga merujuk kepada pemilihan kata. Perkara yang diutamakan dalam pemilihan dan penyusunan kata ialah ketepatan, tekanan dan keistimewaan. Perhatian istimewa diberi terhadap sifat-sifat kata seperti denotatif, konotatif dan bahasa kiasan.